

2 Jun 2025

Ahli Peniagawati yang dihormati,

PER: NOTIS MESYUARAT AGUNG TAHUNAN PENIAGAWATI ke-41

Adalah dimaklumkan bahawa Mesyuarat Agung Tahunan Peniagawati ke-41 akan diadakan pada:

Tarikh : **25 Jun 2025 (Rabu)**
Masa : **2.00 petang**
Tempat : **Bilik Ruby, Level 5, Perdana Kuala Lumpur City Centre**

Agenda Mesyuarat:

- 1.0 Kata aluan serta Pengumuman Koram oleh Pengerusi Mesyuarat
- 2.0 Ucapan Dasar Presiden Peniagawati, YBhg Dato' Emmy Suraya Hussein
- 3.0 Membentang dan Meluluskan Minit Mesyuarat Agung Tahunan Peniagawati ke-40
- 4.0 Membentangkan Laporan Aktiviti 2024-2025
- 5.0 Membentangkan dan Meluluskan Laporan Kewangan 2024
- 6.0 Melantik Juruaudit Luar dan Juruaudit Dalam bagi tahun 2025
- 7.0 Pelantikan Ahli Jawatankuasa Kerja bagi tempoh 2025-2026
- 8.0 Pembentangan Usul (Jika Ada)
- 9.0 Hal-Hal Lain
- 10.0 Penangguhan Mesyuarat

Mengikut pindaan Perlembagaan yang telah diluluskan pada 22 Oktober 2024, kesemua Notis serta Borang Usul, Borang Kehadiran dan Penyata Akaun akan dimuatnaik ke laman rasmi **peniagawati.org** dan disebarikan secara digital melalui semua platform rasmi Peniagawati.

Bersama ini disertakan pautan bagi **Borang Pengesahan Kehadiran** dan **Borang Usul** (<https://form.jotform.com/251471719781464>). Sila lengkapkan **sebelum Isnin, 16 Jun 2025 jam 12.00 tengah hari**. Borang yang diterima selepas tarikh dan waktu tersebut adalah dianggap tidak sah.

Kami berharap semua ahli dapat menghadiri Mesyuarat Agung Tahunan ini bagi menjalankan tanggungjawab sebagai ahli Peniagawati. Sila hadir dengan memakai pakaian seragam Peniagawati (jika ada) dan bertudung biru (sekiranya bertudung) atau pakaian tradisional berwarna biru.

Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, sila hubungi Sekretariat di talian +6012 638 2572 atau emel kepada peniagawati@gmail.com

Kerjasama dan keprihatinan ahli amat dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Salam Hormat,
PENIAGAWATI MALAYSIA



SHARIFAH AZIZAH SAYEED AMAN GHAZALI (LM 1847)
Setiausaha Kehormat